

20/02/1997

Australia tuduh Malaysia bersikap perkauman

SYDNEY, Rabu - Seorang cendekiawan Australia menuduh Malaysia bersikap perkauman kerana menolak kemasukan negara itu sebagai anggota Mesyuarat Peringkat Menteri Asean-Eropah.

"Pengecualian Australia adalah satu tindakan politik atas alasan kaum dan budaya. Selain itu, jika ia bukan dalam kategori politik sabotaj maka ia bermakna politik balas dendam," tuduh Stephen Fitzgerald dalam satu mesyuarat di Institut Asia-Australia di sini, semalam.

Menurut Fitzgerald, dalam mesyuarat di Singapura, Menteri Luar Asean mengesahkan keputusan awal untuk menolak kemasukan Australia dalam dialog itu khususnya dalam forum Asia-Eropah (Asem).

"Keputusan ini adalah atas desakan Malaysia. Ia bermotif politik," kata Fitzgerald, seorang profesor.

Bagaimanapun, berdasarkan penerangan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada wartawan selepas mesyuarat Asem tamat, pemimpin Asem yang akan bersidang di London tahun depan, akan memutuskan isu kemasukan anggota baru.

Selain itu, menteri luar Asia-Eropah mengarahkan pegawai kanan mereka merangka kriteria yang boleh dijadikan garis panduan menerima kemasukan anggota baru.

Beliau memberitahu, selain India, Pakistan, New Zealand dan Persekutuan Russia, Asem mengakui Australia turut berminat menyertai sidang itu.

Fitzgerald tidak menerangkan lebih lanjut mengenai maksud politik balas dendam tetapi pemerhati merujuk kepada bekas Perdana Menteri Australia, Paul Keating yang mencetuskan sengketa dengan Malaysia apabila menggambarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai 'keras kepala.'

Keating menggunakan perkataan itu ketika menggambarkan tindakan Dr Mahathir memulaukan sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat, pada November 1993. - AFP

(END)